



18 Februari 2009 (Rabu)

Hab Halal Tanjung Manis tarik pelaburan RM9b

TANJUNG MANIS 18 Feb. - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini melancarkan Hab Halal Tanjung Manis (HHTM) yang bakal menarik pelaburan bernilai RM9 bilion. Hab halal yang terletak di dalam kawasan Koridor Pembaharuan Tenaga Sarawak (SCORE) itu merupakan salah satu pengkalan produk halal terbesar di Malaysia untuk meneroka pasaran industri halal dunia.

Pada majlis itu, Abdullah turut menyaksikan majlis menandatangani Perjanjian Penjualan Tanah dan 'Lesen Untuk Menduduki' antara Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak (Pusaka), Perbadanan Kemajuan Industri Halal (HDC), Tanjung Manis Food and Industrial Park Sdn. Bhd., dan pelabur HHTM. Sebanyak 11 syarikat terbabit dalam majlis itu dengan nilai pelaburan sebanyak RM4 bilion.

Menteri Perancangan dan Pengurusan Sumber II Sarawak, Datuk Seri Awang Tengah Ali Hassan berkata, buat permulaan, projek dengan keluasan 19,000 hektar itu mampu membuka peluang pekerjaan kepada 3,000 penduduk tempatan di sini. Katanya, syarikat yang terbabit dengan projek di HHTM akan melaksanakan projek berkaitan akuakultur, bioteknologi, penternakan, perladangan, pemprosesan makanan halal serta projek penyelidikan dan pembangunan (R&D).

"Kerajaan negeri amat mengalu-alukan kehadiran pelabur luar seperti Sea Party Group untuk melaksanakan projek akuakultur, penternakan ikan dan udang, penternakan ayam dan rumpai laut secara besar-besaran menggunakan teknologi moden dan mesra alam," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan alu-aluan pada majlis pelancaran HHTM yang disempurnakan Abdullah di sini hari ini. Awang Tengah berkata, pembangunan infrastruktur di HHTM memerlukan dana kira-kira RM5 bilion bagi membolehkan kemudahan sokongan seperti kemudahan lapangan terbang, rangkaian jalan raya menghubungkan kawasan industri dapat diwujudkan. Katanya, Pusaka telah mendapat peruntukan sebanyak RM135 juta bagi mengadakan kemudahan infrastruktur dan kemudahan asas untuk projek HHTM. "Bagaimanapun, keperluan yang mendesak untuk diadakan di HHTM ketika ini ialah mewujudkan kemudahan perbankan selaras dengan pelaksanaan projek tersebut," katanya.

Sementara itu, Awang Tengah berkata, Bandar Baru Tanjung Manis merupakan bandar pelabuhan dan bandar hab halal yang dijangka menarik pelaburan kira-kira RM20 bilion dalam tempoh 10 tahun akan datang.

18 Februari 2009 (Rabu)

Kotak ikan berinsulasi mahal

Oleh ABDUL MUIN Sapidin utusan@utusan.com.my



MOHD. Noor Ibrahim (kanan) bersama rakan pemborong ikan menunjukkan contoh tong ikan yang biasa digunakan (kanan) dan tong berinsulasi baru yang diwajibkan penggunaannya di Jeti Kuala Muda, Kepala Batas, Pulau Pinang, semalam.

KEPALA BATAS 18 Feb. - Para pemborong ikan di Jeti Kuala Muda di sini menggesa Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) mengkaji semula arahan penggunaan kotak ikan berinsulasi yang didakwa meningkatkan kos operasi mereka. Mereka berpendapat, selain harganya yang terlalu mahal, reka bentuk kotak berinsulasi juga mengehadkan ruang pada lori-lori pengangkut sehingga memaksa pengusaha lebih kerap berulang-alik memungut hasil laut di jeti berkenaan. Mereka bimbang penguatkuasaan peraturan itu akan menyebabkan senario kenaikan harga ikan kebelakangan ini berlarutan memandangkan pengusaha terpaksa menaikkan harga sejajar dengan peningkatan kos.

Seorang pemborong ikan, **Zainol Fitri Hassan**, 38, berkata, kotak ikan berinsulasi lebih mahal iaitu sekitar RM140 hingga RM230 berbanding tong plastik yang telah digunakan sejak 20 tahun lalu. "Kalau diteliti dari aspek fungsinya, ia (kotak ikan berinsulasi) sama fungsinya dengan tong plastik biasa, melainkan harga kedua-duanya yang jauh berbeza. "Jadi, kami berharap LKIM timbang semula arahan peraturan ini kerana terbukti ia lebih banyak mendatangkan masalah," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Pada 19 November tahun lalu, LKIM telah mengeluarkan arahan penukaran kotak ikan plastik kepada kotak berinsulasi yang berkuatkuasa mulai 1 Disember lalu. Kotak ikan itu dilengkapi penggunaan mikrocip RFID (Identifikasi Frekuensi Radio) yang membolehkan pemeriksaan terhadap kandungan di dalam kotak dijalankan dengan menggunakan *smart reader*. Selain itu, kotak ikan berkenaan juga dapat meningkatkan kualiti dan kesegaran ikan selama 36 jam berbanding 12 jam bagi kotak lama.

Pemborong ikan, **Mohd. Noor Ibrahim**, 51, bagaimanapun berkata, soal kesegaran ikan dengan penggunaan kotak lama tidak timbul kerana rata-rata hasil laut hanya disimpan dalam tempoh tidak lebih 24 jam sebelum dipasarkan kepada pelanggan. "Reka bentuk kotak ikan baru ini pula menggunakan ruang yang terlalu luas sehingga menyebabkan jumlah ikan yang dibawa pada

satu-satu masa berkurangan berbanding kapasiti yang mampu dibawa menggunakan kotak lama," katanya.

Pandangan itu disokong, **Ramlan Jaafar**, 50, yang percaya kenaikan harga ikan kebelakangan ini berkaitan dengan syarat LKIM yang mahu semua pemborong ikan menggunakan kotak ikan baru itu. "LKIM tidak perlu mengeluarkan arahan begini kerana ia boleh menekan pemborong untuk menaikkan harga hasil laut kerana kos kotak (berinsulasi) itu terlalu mahal," katanya.

18 Februari 2009 (Rabu)

Mana hospital kami?

Oleh Ismail Mahmud utusansabah@utusan.com.my



Papan tanda pembinaan hospital Nabawan yang didirikan pada 1994.

NABAWAN 18 Feb. - Lima belas tahun dahulu, penduduk di daerah ini pernah dijanjikan sebuah hospital yang akan dibina di kawasan mereka. Sehingga 'berdiri' megahnya sebuah papan tanda yang dipacakkan oleh pemaju mengumumkan sebuah hospital akan dibina di situ. Justeru, ia memberi harapan baru dan menggunung tinggi kepada penduduk di sini untuk mendapatkan kemudahan rawatan yang lebih selesa dan terjamin. Namun, kini, papan tanda itu masih tetap terpacak, tetapi senarionya berbeza - diselaputi tumbuhan liar, berlumut dan reput. Tinjauan *Utusan Malaysia* di kawasan itu baru-baru ini, tiada satu pun bangunan hospital yang menjadi kenyataan di situ. Bagaimanapun, dengan jaminan Ahli Parlimen Pensiangan, Tan Sri Joseph Kurup pada satu majlis baru-baru ini yang mengumumkan bahawa hospital tersebut akan dibina tidak lama lagi memberi kelegaan kepada penduduk.

Bagi penduduk di situ, walaupun sukar untuk menerima jaminan seperti yang pernah diterima pada 1994, mereka tetap berharap jaminan Kurup itu sesuatu yang realiti. Mereka cukup terdesak dengan keperluan hospital baru memandangkan klinik kesihatan yang telah didirikan sejak 34 tahun lalu itu sudah tidak mampu menampung keperluan penduduk. Mereka juga berharap kerajaan Sabah yang diterajui Barisan Nasional (BN) kali ini dapat merealisasikan segera 'janji' tersebut bagi mengubat kekecewaan penduduk.

Seorang penduduk Kampung Lima di sini, **Sundang Pongolot**, 50, berkata, pengumuman kali ini merupakan harapan baru kepada penduduk Pensiangan untuk menikmati kemudahan

perkhidmatan kesihatan yang baik. "Rakyat terutamanya di luar bandar sangat mengharapkan keikhlasan kerajaan bagi mendapatkan perkhidmatan kesihatan yang baik selain jalan raya, sekolah, bekalan elektrik dan air bersih. "Kami hampir putus asa untuk memiliki sebuah hospital yang lengkap seperti yang pernah dijanjikan, tetapi kami percaya kali ini kerajaan Barisan Nasional (BN) yang memerintah Sabah akan meneruskan pembangunan hospital itu," katanya.

Bagi **Affendy Abdullah**, 53, dia berharap kerajaan dapat menjelaskan punca kegagalan projek yang pernah dijanjikan itu supaya rakyat tidak keliru dan meletakkan persepsi buruk terhadap janji mereka. "Kami sangat risau bila menghadapi sebarang masalah seperti penyakit kronik atau pun ketika memerlukan rawatan kecemasan kerana terpaksa dikejarkan ke Hospital Keningau yang memakan masa kira-kira satu jam. "Kadang-kadang pesakit yang tenat tidak sempat sampai ke hospital Keningau kerana sudah meninggal dunia ketika dalam perjalanan," katanya.

Sementara itu, **Awang Antah**, 50, dari Kampung Loboh, berkata, kerajaan BN harus membuktikan mereka berupaya melaksanakan projek itu dengan cepat. "Kalau sebelum tahun 1994, negeri Sabah di bawah kerajaan Parti Bersatu Sabah (PBS) iaitu kerajaan pembangkang pada ketika itu, kemungkinan ada sebab janji membina hospital di sini sukar ditunaikan. "Bagaimanapun, selepas itu, pada tahun 1995, Sabah ditadbir oleh kerajaan BN. Jadi, tiada alasan bagi BN tidak mampu menunaikannya," ujarinya.

Dalam pada itu, **Hasbollah Kumbong**, 65, pula berkata, walaupun sudah lama berlalu, hospital tersebut perlu dibina untuk penduduk di sini. Bekas Pegawai Daerah Nabawan itu berkata, hatinya sedih setiap kali melintasi papan tanda yang memberitahu sebuah hospital akan dibina di kawasan itu. "Tidak kisah lambat. Yang penting ia mesti dibina," katanya.

19 Februari 2009 (Khamis)

PBT perlu ketepi kepentingan politik



SEBAHAGIAN ahli majlis PBT melafazkan Rukun Negara pada Majlis Perhimpunan Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia 2009 di Hotel Equatorial, Banda Hilir, Melaka, semalam.

MELAKA 19 Feb. - Ahli majlis pihak berkuasa tempatan (PBT) perlu menyetepikan kepentingan politik masing-masing dan memberikan tumpuan untuk memastikan semua program pembangunan dapat dilaksanakan di kawasan masing-masing dengan berkesan.

Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam berkata, landskap politik negara yang berubah selepas Mac tahun lalu tidak sepatutnya mengubah dasar yang telah ditetapkan sebelum ini. Beliau berkata, mereka wajar berfikir terbuka dan tidak keterlaluan memikirkan kepentingan parti politik masing-masing hingga melupakan tanggungjawab terhadap masyarakat setempat

."Kepentingan politik harus diketepikan dan kita harus menyokong dan menghormati sifat terbuka kerajaan Persekutuan dalam membantu membangunkan semua PBT di seluruh negara. "Ingin saya tegaskan, pelantikan sebagai ahli majlis di kawasan masing-masing bukan sahaja sebagai satu penghormatan tetapi merupakan satu tanggungjawab yang amat besar sebagai agen perubahan kepada penduduk setempat," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Perhimpunan Ahli-Ahli Majlis PBT Semalaysia 2009 di Hotel Equatorial di sini hari ini. Perhimpunan selama dua hari itu disertai oleh 17 PBT dari seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak.

Mengulas lanjut Mohd. Ali berkata, sebagai ahli majlis yang dilantik, mereka memegang amanah besar dan dipilih berdasarkan komitmen, keikhlasan, integriti dan kemampuan untuk berkhidmat kepada PBT yang diwakili. Sehubungan itu, beliau menyarankan setiap PBT perlu mempercepatkan pemprosesan kelulusan pelan pembangunan dan membuat keputusan tepat untuk kepentingan masyarakat setempat.

Menurut beliau, ia bertujuan untuk memastikan semua program pembangunan kerajaan dan pelaburan swasta dilaksanakan dengan berkesan di setiap PBT. Katanya, terdapat banyak teguran daripada orang ramai mengenai sikap pekerja awam khususnya di PBT tertentu kerana berlaku kelewatan kelulusan sesuatu projek pembangunan dan lewat membuat keputusan bagi satu-satu perkara. "Setiap ahli majlis PBT perlu peka kepada keperluan dan kepentingan awam serta bertanggungjawab dan memahami keperluan serta masalah yang dihadapi oleh penduduk di kawasan masing-masing," katanya.

19 Februari 2009 (Khamis)

RM6j naik taraf pengairan padi

Oleh SITI NOR AZIZAH TALATA utusanabah@utusan.com.my

PITAS 19 Feb. - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan negeri memperuntukkan sebanyak RM6 juta untuk Skim Pengairan dan Saliran Padang Lipis di sini tahun ini. Pembantu Menterinya, Datuk Musbah Jamli berkata, skim itu adalah projek menaik taraf pengairan dan

saliran yang sistematik di kawasan penanaman padi di enam kampung terpilih. Menurut beliau, melalui projek itu hasil pengeluaran padi akan bertambah produktif sekali gus mampu meningkatkan pendapatan penduduk setempat.

"Projek ini adalah di bawah Program Dasar Jaminan Makanan membabitkan enam kampung dengan kawasan seluas 679 hektar. Sekarang ini kami dalam proses pengukuran untuk reka bentuk pengaliran dan saluran. "Selain itu, penyediaan pelan pengambilan balik tanah para peserta juga sedang dilakukan," katanya kepada pemberita selepas mengadakan lawatan kerja di tapak empangan pengairan Pitas, di sini hari ini.

Katanya, kampung yang terlibat ialah Padang Lipis di kawasan seluas 324 hektar, Kebatasan (30 hektar), Kalipuan (25 hektar), Kusilad, Kibulu dan Rokom Laut masing-masing seluas 300 hektar. Mengikut perancangan asal katanya, hanya Kusilid dan Kibulu yang terlibat dengan keluasan 180 hektar tetapi setelah kerajaan mengkaji semula, empat kampung berdekatan ditambah.

Beliau berkata, sebelum ini, penduduk kampung itu hanya mengusahakan tanaman padi di kawasan seluas 40 hektar dengan tidak mempunyai sistem pengairan yang sempurna. Pesawah di situ kata beliau, bergantung dengan air hujan sebagai sumber air utama untuk tanaman padi dan pembesarannya sering kali terbantut setiap kali musim kemarau. **Tambahnya, projek berkenaan sebenarnya sudah lama dirancang tetapi hanya diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), baru-baru ini.**

19 Februari 2009 (Khamis)

Penduduk rayu turap segera

Oleh Ali Mahmood utusanpahang@utusan.com.my



PENDUDUK Kampung Belengu terpaksa melalui jalan yang berdebu dan tidak berturap sepanjang 10 kilometer apabila kerja-kerja menaik taraf jalan itu terbengkalai sejak beberapa bulan lalu.

TEMERLOH 19 Feb. - Siapa yang boleh bersabar jika terpaksa menyedut habuk dan debu setiap hari. Itulah yang dialami lebih 1,000 penduduk Kampung Belengu di sini yang saban hari terpaksa menyedut habuk dan debu berikutan projek pembinaan jalan di kampung tersebut yang terbengkalai sejak beberapa bulan lalu. Keadaan itu menyebabkan kesihatan penduduk semakin terjejas apabila berlaku pencemaran udara di kampung berkenaan. Berikutan itu, penduduk menggesa kerajaan negeri mempercepatkan kerja-kerja menaik taraf jalan kampung yang terbengkalai sejak beberapa bulan lalu. Tinjauan *Utusan Malaysia* ke kampung itu mendapati penduduk hidup dalam keadaan tidak selesa apabila kediaman mereka dicemari debu. Lebih membimbangkan, menurut mereka, keselamatan penduduk terutama pelajar sekolah yang menggunakan jalan itu setiap hari turut terancam apabila batu-batu kecil berterbangan apabila kenderaan berat melalui jalan tersebut.

Seorang penduduk, **Mohamad Suhaili Daharin**, 40, mendakwa kesihatan penduduk kampung itu kini terjejas apabila mereka terpaksa menyedut udara dicemari debu setiap hari. Sehubungan itu, katanya, kerajaan negeri dan Jabatan Kerja Raya (JKR) perlu bertindak segera dengan menurap jalan berkenaan. Katanya, hanya 30 peratus projek pembinaan jalan sepanjang 10 kilometer berjaya disiapkan.

"Kami merasa amat kecewa apabila projek naik taraf jalan kampung tersebut yang dimulakan sejak satu setengah tahun lalu terbengkalai dan dibiarkan begitu sahaja tanpa sebarang tindakan," katanya kepada *Utusan Malaysia* ketika ditemui di kampung itu baru-baru ini. Lebih menyulitkan, kata Mohamad Suhaili, kira-kira 400 murid Sekolah Kebangsaan (SK) Belengu terpaksa menempuh jalan berdebu itu setiap kali pergi dan pulang dari sekolah. Katanya, jalan itu menjadi perhubungan utama penduduk kampung tersebut dengan Kampung Tenggoh selain menjadi jalan untuk ke bandar Temerloh dan Bera. Beliau berkata, kerja-kerja menaik taraf jalan yang dimulakan sejak satu setengah tahun lalu itu merupakan jalan alternatif jika berlaku banjir.

Seorang lagi penduduk, **Bahari Mohd. Yunus**, 55, berkata, dia sedih melihat pakaian murid-murid sekolah bertukar warna kekuningan akibat debu kerana jalan itu hanya ditabur dengan batu kasar dan tidak berturap. "Kami tidak lagi sanggup menghadapi masalah ini jika ia berlarutan kerana boleh mengundang kemalangan akibat permukaan jalan yang tidak sempurna. "Selain itu kami juga bimbang akan menghidap pelbagai jenis penyakit akibat menyedut udara yang mengandungi debu setiap hari terutama kanak-kanak yang boleh dijangkiti penyakit batuk dan lelah kerana sekarang ini musim panas. "Apabila musim hujan, keadaan menjadi bertambah buruk kerana becak dan berlopak-lopak," katanya.

Menurutnya, penduduk kampung yang menggunakan motosikal sering berdepan dengan masalah apabila tayar motosikal mereka pancit akibat melanggar batu kerikil tajam semasa berulang alik ke tempat kerja atau ke bandar Temerloh. Sehubungan itu, Bahari meminta kerajaan negeri segera campur tangan bagi mengatasi masalah yang dihadapi penduduk Kampung Belengu supaya kerja-kerja menaik taraf jalan dapat diselesaikan dengan segera.

20 Februari 2009 (Jumaat)

Penggunaan mulai 1 Mac

BUKIT KAYU HITAM 20 Feb. – Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) akan mewajibkan penggunaan kotak ikan berinsulasi keluaran agensi itu kepada kira-kira 3,000 pengimport ikan di seluruh negara berkuat kuasa 1 Mac ini. Ketua Pengarahnya, Datuk Mustafa Ahmad berkata, langkah itu bertujuan memastikan kualiti ikan yang dibawa masuk ke negara ini lebih selamat, bersih dan segar sejajar dengan pembaharuan dalam industri perikanan pada masa sekarang. Bagaimanapun, kata beliau, buat permulaan para pengimport ikan boleh menggunakan kotak berinsulasi itu secara berperingkat-peringkat, bermula dengan sekurang-kurangnya 10 peratus penggunaan agar arahan tersebut tidak membebankan mereka.

“LKIM akan mengambil pendekatan mendidik, merayu dan menggalakkan pengimport ikan menggunakan kotak baru ini supaya ia dapat diterima baik. “Ia juga bagi memberi peluang kepada mereka untuk menggantikan kotak lama secara beransur-ansur,” katanya pada Majlis Demonstrasi Penggunaan Kota Berinsulasi (LKIM) Bersama Media di Kompleks LKIM di sini hari ini.

Pada 2006, LKIM pernahewartakan penggunaan kotak berinsulasi itu, namun terpaksa menangguhkan beberapa kali berikutan masalah tertentu termasuk rungutan dan bantahan pengimport ikan yang mendakwa terpaksa menanggung kos operasi yang tinggi.

Mustafa berkata, sehingga kini dianggarkan sebanyak 25 peratus daripada kira-kira 3,000 pengimport ikan di seluruh negara telah menggunakan kotak berinsulasi tersebut dalam urusan mereka. Dalam usaha memastikan penggunaan secara menyeluruh, katanya, LKIM memberi pilihan kepada pengimport ikan sama ada mahu membeli terus atau menyewanya, bergantung kepada kemampuan dan kehendak mereka.

20 Februari 2009 (Jumaat)

LKIM tetap laksana peraturan

BUTTERWORTH 20 Feb. – Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) tidak akan menarik balik arahan penggunaan kotak ikan berinsulasi walau- pun pihak pemborong mendakwa bahan itu terlalu mahal dan membebankan mereka. Pengarah LKIM Pulau Pinang, Raja Khalid Raja Ariffin berkata, pihak pemborong boleh membeli kotak tersebut secara berperingkat-peringkat kerana LKIM belum menguatkuasakan sepenuhnya peraturan baru itu. Menurut beliau, peraturan baru itu hanya dikuatkuasakan kepada pengimport ikan dari negara jiran yang menjual hasil laut mereka di negara ini.

“Kita tidak memaksa (pemborong) menukar kotak berinsulasi ini serta-merta kerana kita akui harganya memang mahal daripada (kotak ikan) yang biasa. “Dalam hal ini, pengimport ikan boleh membeli kotak baru secara sedikit demi sedikit. Itu tiada masalah,” katanya ketika dihubungi Utusan Malaysia di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas gesaan pemborong ikan sekitar Jeti Kuala Muda di sini supaya LKIM mengkaji semula arahan penggunaan kotak ikan berinsulasi yang didakwa meningkatkan kos operasi. Mereka berpendapat, selain harga yang terlalu mahal, reka bentuk kotak berinsulasi juga mengehadkan ruang pada lori-lori pengangkut sehingga memaksa pengusaha lebih kerap berulang-alik memungut hasil laut di jeti berkenaan.

Persatuan Pengusaha-pengusaha Lori Wilayah Utara (PPLWU) di Kedah turut menyokong gesaan itu dan meminta agar arahan penggunaan kotak ikan berinsulasi dibatalkan. Raja Khalid menjelaskan, kos kotak ikan berinsulasi mahal kerana ia dilengkapi penggunaan mikrocip RFID (Identifikasi Frekuensi Radio) yang membolehkan pemeriksaan terhadap kandungan di dalam kotak dijalankan dengan menggunakan sejenis peralatan yang dikenali sebagai smart reader. “Dari segi kontranya memang kotak baru ini agak mahal tetapi penggunaannya membolehkan kerajaan memantau proses pengimportan ikan dari luar. “Malah kotak ikan berkenaan juga dapat meningkatkan kualiti dan kesegaran ikan selama 36 jam berbanding 12 jam bagi kotak lama,” katanya.

20 Februari 2009 (Jumaat)

Ekonomi - Kontrak air milik siapa?

KUALA LUMPUR 20 Feb. - Siapa yang akan dianugerahkan projek terowong air di bawah fasa satu projek air antara Selangor dengan Pahang? Sumber industri berkata, Kerajaan Persekutuan dijangka menganugerahkan projek terowong sejauh 44 kilometer (km) itu kepada sebuah konsortium diketuai syarikat Jepun tidak lama lagi. Pembidaan bagi projek tersebut dibuka pada 22 April tahun lepas. "LOI (surat hasrat) telah dikeluarkan dan kami sedang berunding butiran terperinci dengan Agensi Kerjasama Antarabangsa Jepun (JICA)," kata Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi Datuk Shaziman Abu Mansor. Bagaimanapun, beliau tidak menyatakan bila pengumuman rasmi akan dibuat.

Taisei Corp., Kajima Corp., Obayashi Corp. dan Shimizu Corp., empat syarikat Jepun dalam konsortium berkenaan membida pembinaan terowong tersebut di bawah projek air antara negeri itu. Bagaimanapun, satu daripada rakan kongsi konsortium yang diterajui Shimizu itu, Nishimatsu terlibat dalam dua penyiasatan berkaitan rasuah berprofil tinggi. Dua rakan kongsi tempatan dalam konsortium tersebut adalah UEM Builders Bhd. dan IJM Corp. Bhd.

Nishimatsu dilaporkan sedang disiasat atas tuduhan memberi rasuah kepada seorang pegawai Bangkok City Council dengan 200 juta yen (RM8 juta) untuk memperoleh projek tebatan banjir

daripada tabung sogokan syarikat itu. Syarikat itu menjadi tumpuan ramai selepas beberapa bekas eksekutif syarikat termasuk bekas presidennya, Mikio Kunisawa ditangkap dan didakwa atas tuduhan menggelapkan wang daripada dana sogokan projek luar negara. Pendakwa Jepun juga sedang menyiasat syarikat itu atas dakwaan melanggar peraturan pertukaran asing dan perdagangan negara. Sama ada, perkembangan berkenaan akan membawa kesan kepada bidaan konsortium itu bagi projek itu masih tidak dapat dipastikan, tetapi sumber industri berkata, mereka adalah pilihan utama kerana mereka menawarkan bidaan terendah tetapi menetapkan syarat bagi aturan yang berubah-ubah jika sekiranya konsortium itu berdepan masalah semasa kerja-kerja membuat terowong.

Kerajaan Malaysia juga dilaporkan mahu memberikan projek terowong itu kepada konsortium yang dianggotai HRA Teguh Sdn. Bhd. dengan Taisei Corp manakala JICA pula mahu memberikannya kepada konsortium yang diterajui Shimizu, yang menyerahkan bidaan terendah. Terdahulu Shaziman berkata, kerajaan mengesyorkan kepada JICA untuk memilih sebuah konsortium dan Perbendaharaan menyokongnya. Nama juga telah diserahkan kepada JICA tetapi beliau tidak menamakan konsortium berikut. Fasa pertama projek tersebut yang bernilai RM3 bilion, melibatkan pembinaan terowong sejauh 44km untuk menyalurkan air dari Pahang ke Putrajaya dan Kuala Lumpur. Pada 2005, JICA bersetuju memberi pinjaman kepada Malaysia bernilai 82.04 bilion yen (sekitar RM3 bilion) untuk membiayai sebahagian daripada projek tersebut. - BERNAMA

20 Februari 2009 (Jumaat)

Ekonomi - Isu LCCT belum selesai

KUALA LUMPUR 20 Feb. - Cadangan pembinaan terminal syarikat penerbangan tambang murah (LCCT) baru di Labu, Negeri Sembilan masih dalam perbincangan antara kerajaan dan pihak berkaitan, kata Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi (EPU), Tan Sri Dr. Sulaiman Mahbob. Beliau berkata, kerajaan telah meluluskan projek itu secara dasar kerana ia melihatnya sebagai satu bentuk pelaburan sektor swasta tetapi terdapat keperluan bagi pihak berkenaan mengkaji perkara itu berhubung dengan semua kehendak teknikal dan keselamatan. "Ini mestilah dilakukan dan Kementerian Pengangkutan berunding daripada segi kehendak teknikal. Sehingga atau kecuali semua ini diselesaikan, kita tidak boleh melakukannya," kata beliau selepas menyampaikan ceramah mengenai status semasa cadangan untuk mendirikan LCCT baru itu.

Baru-baru ini Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Ong Tee Keat berkata, keputusan muktamad belum dibuat mengenai sama ada untuk meneruskan atau membatalkan cadangan mengenai LCCT itu. Dalam jawapan bertulis kepada Loke Siew Fook (DAP - Rasah) di Parlimen, Ong berkata kajian terperinci dan lengkap sedang dilakukan bagi memastikan projek itu boleh dilaksanakan dan akan memberi faedah kepada rakyat. Beliau bagaimanapun berkata, AirAsia Bhd akan terpaksa menanggung kos membina LCCT baru itu, dan juga termasuk kos lain seperti pembinaan jalan raya dan landasan keretapi serta infrastruktur lain. - Bernama

20 Februari 2009 (Jumaat)

Pengauditan alam sekitar perlu

MIRI 20 Feb. - Syarikat pembalakan akan dikehendaki menyediakan pengauditan alam sekitar dan merangka pelan pengurusan alam sekitar sebagai satu keperluan kepada mereka untuk menjalankan aktivitinya di Sarawak. Menteri Muda Alam Sekitar Dr. Abang Abdul Rauf Abang Zen berkata langkah untuk menguatkuasakan keperluan ini sebagai jaminan tambahan bagi semua syarikat pembalakan agar komited ke arah melindungi alam sekitar dalam menjalankan aktiviti mereka.

Amalan sekarang, hanya kajian penilaian kesan alam sekitar (EIA) dikuatkuasakan sebelum sebarang aktiviti pembalakan dijalankan tetapi ini tidak mencukupi dan telah dimanipulasi oleh sesetengah syarikat pembalakan, katanya pada persidangan akhbar di sini hari ini. Sehubungan itu, Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar (NREB) akan mengadakan dialog dengan anggota Persatuan Pembalakan Sarawak (STA) di Kuching pada 3 Mac untuk menerangkan mengenai keperluan ini.

Di bawah Ordinan Sumber Asli dan Alam Sekitar, katanya hanya syarikat yang dilesenkan untuk menjalankan pembalakan bagi 500 hektar tanah atau lebih diperlukan bagi menjalankan EIA dan mereka yang mempunyai kawasan tanah yang kecil tidak ada komitmen terhadap melindungi alam sekitar.

Dr. Abdul Rauf menambah bahawa syarikat itu boleh memperoleh manfaat daripada keperluan ini kerana makin ramai orang menyedari mengenai alam sekitar dan hanya akan membeli balak daripada syarikat yang mengamalkan aktiviti mesra alam sekitar pembalakan.

Beliau berkata sebagai tambahan dengan keperluan ini, kementerian juga merancang melaksanakan Pelan Integrated Pengurusan Lembangan (IWMP) untuk mengawal aktiviti penggunaan tanah di kawasan tadahan Projek Hidroelektrik Bakun.

Kebimbangan terhadap perlindungan alam sekitar dibangkitkan setelah kajian NREB di Bakun, daerah Belaga mengesahkan bahawa pembalakan dan aktiviti pembersihan tanah huliran projek itu merupakan punca utama tahap kandungan pepejal tinggi di Sungai Belaga, Balui dan Baleh.

Peningkatan pepejal telah menyebabkan beratus-ratus ikan mati dan kehidupan lain di anak sungai, Batang Rajang, sungai terpanjang di Malaysia. Katanya kajian itu dijalankan pada 31 Disember tahun lepas, 10 dan 12 Januari tahun ini mendapati tahap keseluruhan kandungan pepejal (TSS) dan tahap kekeruhan di sungai itu ialah antara 550 bahagian sejuta (ppm) dan 2,168 ppm, melebihi 50 ppm untuk piawaian air sungai Kelas IIB yang digariskan di bawah Piawaian Kualiti Air Malaysia (NWQSM). - Bernama

20 Februari 2009 (Jumaat)

Eksport hasil perikanan: Safma digesa tepati piawaian antarabangsa

KOTA KINABALU 20 Feb. - Pemasaran Ikan Sabah (Safma) digesa menepati standard dan piawaian antarabangsa bagi memastikan hasil perikanan Sabah dapat dieksport ke negara-negara Kesatuan Eropah (EU). Menteri Pertanian dan Industri Makanan negeri, Datuk Yahya Hussin berkata, ini kerana negara-negara EU mempunyai pasaran yang amat luas dan berpotensi tinggi untuk tempoh jangka masa panjang.

"Setakat ini hasil ikan di Sabah telah pun dieksport ke negara-negara luar seperti China, Hong Kong dan sebagainya. Kita mahu eksport ikan kita menembusi pasaran EU. "Meskipun kita mempunyai sasaran tersebut tetapi sebenarnya ia bukanlah suatu keperluan yang amat mendesak. Sabah masih boleh lagi eksport hasil ikannya ke negara lain," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas menyaksikan majlis penyerahan cek pembayaran balik sebahagian pinjaman kepada Kerajaan Negeri Sabah daripada Safma di Wisma Pertanian Sabah, di sini hari ini. Replika cek bernilai RM111,500 itu diserahkan oleh Pengerusi Safma, Datuk Nurnikman Abdullah kepada Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan Sabah, Felix Madah.

Yahya yang juga Timbalan Ketua Menteri berkata, bagi memastikan hasil ikan Sabah dapat menembusi pasaran ke negara EU, semua syarat yang ditetapkan perlu dipatuhi. Beliau berkata, semua aspek bermula daripada hasil tangkapan ikan dari laut sehingga kepada proses pengangkutan, penyimpanan dan penyejukan di kompleks-kompleks perikanan Safma perlu mematuhi standard EU. "Ini semua diambil kira, wakil-wakil dari EU sudah tiga kali datang ke negeri ini untuk menilai adakah cara dan pengurusan hasil ikan kita sudah menepati syarat yang ditetapkan," ujarinya.

Menurutnya, bukan sahaja cara dan pengurusan hasil ikan perlu diperbaiki tetapi juga semua kompleks perikanan Safma perlu dinaik taraf daripada segi kemudahan dan teknologi. Setakat ini katanya, terdapat lima kompleks perikanan di Sabah iaitu di Kota Kinabalu dan Tawau yang dimiliki Safma manakala di Kudat, Sandakan dan Lahad Datu diletak di bawah Koperasi Kemajuan Perikanan dan Nelayan Sabah (Ko-Nelayan).

Sementara itu, Nurnikman berkata, Safma yang merupakan anak syarikat Ko-Nelayan, kini lebih yakin dan mampu berdaya saing meskipun beberapa tahun sebelum ini dilihat kurang aktif. Katanya, sejak kembali aktif pada 2003, kewangan yang dimiliki Safma hanya RM960,000 tetapi kini keseluruhan simpanan tunai sudahpun mencecah RM6.8 juta.

20 Februari 2009 (Jumaat)

Enam lagi IKBN akan dibina

KOTA KINABALU 20 Feb. - Kementerian Belia dan Sukan akan membina enam lagi Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) di seluruh negara tahun depan. Pengarah Bahagian Pembangunan Kemahiran kementerian, Saari Salleh berkata, enam IKBN itu masing-masing akan dibina di Pekan, Pahang; Kerteh di Terengganu; Benderang di Johor; Tanah Merah di Kelantan; Pedu di Kedah dan Kuala Langat di Selangor. "Setakat ini kita mempunyai 15 buah IKBN dan pertambahan enam lagi institut akan menjadikan semuanya berjumlah 21 buah," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas majlis perasmian penutupan Pertandingan Kemahiran dan Inovasi 2009 di Dewan Serbaguna IKBN Kinarut dekat sini semalam. Saari berharap, dengan wujudnya IKBN yang baru, lebih ramai golongan muda akan menyertai kursus kemahiran yang sentiasa relevan dengan pasaran kerja semasa. Dalam perkembangan berkaitan, beliau berkata, IKBN akan terus menerapkan konsep 3K yang berteraskan bidang kemahiran, kepimpinan dan keusahawanan. "Konsep ini bagi mengisi tenaga mahir negara supaya berdaya saing dan mampu berdikari dalam bidang keusahawanan berdasarkan kemahiran yang dimiliki," katanya.

22 Februari 2009 (Ahad)

Pindah minyak haram

Oleh HAMDAN TAWADI utusanjohor@utusan.com.my



DUA kapal milik syarikat Singapura ditahan oleh APMM kerana menjalankan kegiatan pemindahan minyak secara haram di perairan Pengerang dekat Kota Tinggi, Johor, Jumaat lalu.

JOHOR BAHRU 22 Feb. – Sebilangan ejen kapal dari Singapura didapati mengaut keuntungan berjuta ringgit dengan menjadi dalang aktiviti pemindahan minyak dari kapal ke kapal secara haram di perairan Pengerang, Kota Tinggi, dekat sini. Mereka dikatakan menawarkan khidmat

pemindahan minyak lebih murah, cepat dan mudah tanpa perlu mematuhi prosedur serta undang-undang ditetapkan. Dalam kebanyakan kes, aktiviti tersebut melibatkan pemindahan minyak daripada jenis 'Marine Fuel Oil' untuk menggerakkan enjin kapal.

Modus operandinya ialah dengan melakukan kerja-kerja pemindahan minyak di luar kawasan pelabuhan dan dengan cara itu tidak perlu permit dan membayar caj perkhidmatan untuk berlabuh di situ. Dalam erti kata mudah, pelanggan dapat mengelak daripada membayar 'parking' ribuan ringgit di pelabuhan negara ini.

Ketua Penguat Kuasa Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Wilayah Selatan, Laksamana Pertama Che Hassan Jusoh berkata, siasatan awal percaya kegiatan itu mempunyai kaitan dengan ejen kapal dari Singapura. "Ejen itu dikesan beroperasi dari darat dengan mengendalikan urusan pelanggan-pelanggan yang berminat menjalankan jual beli minyak kapal ini secara haram. "Sebuah kapal yang sentiasa berlegar di perairan Pengerang pula dijadikan platform untuk memindahkan minyak dari kapal itu ke mana-mana kapal yang berminat," katanya kepada Utusan Malaysia secara eksklusif di sini hari ini.

22 Februari 2009 (Ahad)

Muktamad LCCT Labu tidak jadi – Najib

Daripada JOHARDY IBRAHIM johardy.ibrahim@utusangroup.com.my

PHUKET 22 Feb. – Sudah muktamad! Cadangan pembinaan terminal syarikat penerbangan tambang murah (LCCT) baru di Labu, Negeri Sembilan tidak boleh diteruskan, kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak. "Kita sudah membuat keputusan. Projek LCCT tidak boleh diteruskan," kata beliau yang juga Menteri Kewangan kepada pemberita selepas mesyuarat khas Menteri-Menteri Kewangan ASEAN+3 di pulau peranginan di selatan Thailand hari ini.

Najib berkata, projek itu tidak boleh diteruskan kerana cadangan asal ialah konglomerat Sime Darby tidak akan menanggung kos pembinaan infrastruktur, sebaliknya akan menjual tanah kepada pihak yang membina, misalnya Malaysia Airports Berhad. Kos pembinaan infrastruktur LCCT tersebut bernilai RM800 juta. "Saya sudah mendapat pengesahan daripada Sime Darby secara hitam putih mengenai perkara ini. Jadi jika mereka tidak memberi sumbangan, maka tidak ada asaslah projek ini hendak dipertimbangkan," kata Najib.

Projek LCCT yang baru, ujar beliau lagi, akan dibina dalam kawasan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA). Cuma yang masih dalam rundingan kini, kata Timbalan Perdana Menteri ialah kaedah-kaedah pelaksanaan projek termasuk permintaan AirAsia terhadap LCCT yang baru merangkumi soal caj meletak pesawat dan sebagainya.

Najib diminta mengulas kenyataan Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi (EPU), Tan Sri Dr. Sulaiman Mahbob kelmarin, bahawa cadangan pembinaan LCCT baru di Labu masih dalam perbincangan antara kerajaan dan pihak berkaitan.

Dr. Sulaiman berkata, kerajaan telah meluluskan projek itu secara dasar kerana ia melihatnya sebagai satu bentuk pelaburan sektor swasta tetapi terdapat keperluan bagi pihak berkenaan mengkaji perkara itu berhubung semua aspek teknikal dan keselamatan. “Ini mestilah dilakukan dan Kementerian Pengangkutan berunding daripada segi kehendak teknikal. Sehingga atau kecuali semua ini diselesaikan, kita tidak boleh melakukannya,” kata beliau selepas menyampaikan ceramah mengenai status semasa cadangan untuk mendirikan LCCT baru itu.

Baru-baru ini, Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Ong Tee Keat berkata, keputusan muktamad belum dibuat mengenai sama ada untuk meneruskan atau membatalkan cadangan mengenai LCCT itu. – Utusan.

22 Februari 2009 (Ahad)

MITI pohon bajet lebih RM5b

ALOR SETAR 22 Feb. — Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) memohon peruntukan tambahan sebanyak lebih RM5 bilion dalam bajet mini yang akan dibentangkan di Parlimen pada 10 Mac ini, kata menteri berkenaan Tan Sri Muhyiddin Yassin. Beliau berkata permohonan peruntukan yang bertujuan merangsang sektor pembuatan dan perindustrian itu telah dikemukakan kepada Menteri Kewangan Datuk Seri Najib Tun Razak baru-baru ini.

“Saya telah berbincang dan memohon bajet tambahan kepada Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan Datuk Seri Najib Razak bagi membantu sektor pembuatan dan perkilangan yang dijangka terjejas ekoran kelembapan ekonomi dunia,” kata beliau kepada pemberita selepas menghadiri majlis perjumpaan bersama pemimpin Umno di sini hari ini. Katanya peruntukan tambahan itu merangkumi pemberian geran tambahan kepada Industri Kecil dan Sederhana (IKS), bantuan pinjaman mudah serta pelbagai insentif pelaburan.

Katanya setakat ini terdapat 556,000 syarikat IKS di seluruh negara dan mereka sedang menghadapi masalah pasaran produk yang semakin menurun.

Muhyiddin berkata ekoran kelemahan pasaran dan permintaan berkurangan, kebanyakan IKS terpaksa mengambil tindakan memberhentikan pekerja dan setakat ini lebih 2,000 pekerja dalam sektor itu diberhentikan. “Kita juga mencadangkan geran untuk latihan pekerja kepada syarikat-syarikat berkenaan sebagai langkah mengelak tindakan pemberhentian pekerja,” kata beliau.

Katanya kementerian turut mencadangkan peruntukan pinjaman mudah dengan kadar faedah sebanyak dua peratus kepada mana-mana syarikat perindustrian yang mahu memperluaskan operasi syarikat.

Selain itu, MITI juga mencadangkan kepada kerajaan agar mengurangkan cukai korporat sebanyak dua peratus iaitu daripada 25 peratus kepada 23 peratus sebagai insentif kepada syarikat untuk meneruskan operasi mereka walaupun dalam kegawatan ekonomi. "Cukai korporat kita tinggi berbanding dengan negara-negara jiran dan kita mahu memperkenalkan pelbagai insentif untuk menarik pelaburan asing," kata beliau.

23 Februari 2009 (Isnin)

RM18b bukan kerugian sebenar

Oleh NOR ZAINAH NORDIN zainah.din@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 23 Feb. - Kemerosotan nilai portfolio Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) sebanyak 20.18 peratus atau RM18 bilion bukan satu kerugian sebenar, kata Datuk Seri Najib Tun Razak. Timbalan Perdana Menteri berkata, ia sebenarnya kemerosotan nilai saham syarikat milik (GLC) yang tersenarai di bawah Khazanah secara keseluruhan berpunca daripada kemerosotan pasaran saham global.

Beliau yang Menteri Kewangan berkata, secara dasarnya, kedudukan kewangan GLC yang dikuasai Khazanah kekal kukuh dengan nilai aset boleh direalisasikan (RAV) berbanding liabiliti sebanyak 1.9 kali ganda. Menurutnya, ia hasil pengukuhan kedudukan kewangan GLC berkenaan sejak Program Transformasi GLC dilaksanakan pada 2004. "Sebagai pelabur strategik jangka sederhana dan panjang, Khazanah komited untuk mengekalkan pegangan strategiknya dalam GLC di bawahnya, khususnya yang berkepentingan nasional dalam usaha memelihara kepentingan syarikat ini," katanya.

Beliau berkata demikian dalam jawapan bertulis kepada soalan **Wee Choo Keong (PKR-Wangsa Maju)** mengenai sebab Khazanah mencatatkan kerugian RM18 bilion seperti dilaporkan akhbar pada 20 Januari lalu. Najib berkata, penyusutan nilai aset tidak boleh disamakan dengan kerugian kewangan kerana nilai tersebut masih belum direalisasikan dan akan hanya dicatat jika Khazanah melepaskan pegangannya dalam pelaburan tersebut masa ini. Katanya, oleh itu, kerugian kewangan sebanyak RM18 bilion yang dicatatkan oleh Khazanah adalah merujuk kepada RAV bagi portfolio pelaburan Khazanah yang telah susut sebanyak RM17.8 bilion daripada RM88.2 bilion pada 31 Mei 2008 kepada RM70.4 bilion pada 31 Disember 2008.

Beliau menjelaskan, sehingga 31 Disember 2008, Khazanah mempunyai pegangan dalam lebih kurang 50 syarikat, sembilan daripadanya berada dalam kelompok 20 GLC terbesar. Katanya, pegangan sembilan GLC tersebut adalah seperti berikut:

- Bumiputera-Commerce Holdings Bhd. (BCHB) dengan pegangan ekuiti 28.42 peratus dan pegangan saham sebanyak 1,002,819,958.
- Malaysia Airports Holdings Bhd. (MAHB) dengan pegangan ekuiti 72.74 peratus dan pegangan saham sebanyak 800,150,000.
- Malaysian Airline System Bhd. (MAS) dengan pegangan ekuiti 69.33 peratus dan pegangan saham sebanyak 1,158,609,643.
- Pos Malaysia Bhd. (Pos) dengan pegangan ekuiti 32.21 peratus dan pegangan saham sebanyak 172,997,399.
- Proton Holdings Bhd. dengan pegangan ekuiti 42.74 peratus dan pegangan saham berjumlah 234,734,693.
- Telekom Malaysia Bhd. (TM) dengan pegangan ekuiti 41.78 peratus dan pegangan saham sebanyak 1,494,737,173.
- TM International Bhd. (TMI) dengan pegangan ekuiti 44.51 peratus dan pegangan saham sebanyak 1,670,737,173.
- Tenaga Nasional Bhd. (TNB) dengan pegangan ekuiti 37.81 peratus dan pegangan saham berjumlah 1,638,474,689.
- UEM Land Bhd. dengan pegangan ekuiti 77.1 peratus dan pegangan saham berjumlah 1,873,000,000.

Najib berkata, prestasi kewangan bagi sembilan GLC tersebut bagi tahun kewangan berakhir 2006 sehingga 2008 adalah seperti berikut:

- BCHB mencatat keuntungan RM1,504.43 juta (2006) dan RM2,793.27 juta (2007).
- MAHB mencatat keuntungan RM170.33 juta (2006) dan RM288.86 juta (2007).
- MAS mencatat kerugian RM136.43 juta (2006) dan tetapi untung RM851.42 juta (2007)
- Pos mencatat keuntungan RM108.23 juta (2006) tetapi rugi RM33.66 juta (2007).
- Proton mencatat keuntungan RM46.69 juta (2006), kerugian RM589.53 juta (2007) dan kembali untung RM184.55 juta (2008).
- TM mencatat keuntungan RM2,068.80 juta (2006) dan RM2,547.70 juta (2007).
- TMI (dipisahkan daripada TM pada 2007) mencatat keuntungan RM683.52 juta (2007).
- TNB mencatat keuntungan RM2,126.90 juta (2006), RM4,061.10 juta (2007) dan RM2,594 juta (2008).
- UEM World (digantikan dengan UEM Land pada 2008) mencatat keuntungan RM128.89 juta (2006) dan RM739.38 juta (2007).

23 Februari 2009 (Isnin)

Parlimen - Pendekatan konsep PPP laksanakan projek

KUALA LUMPUR 23 Feb. - Selain melaksanakan pendekatan Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) dalam melaksanakan projek pembangunan, kerajaan juga akan menggunakan kaedah Perkongsian Swasta-Kerajaan (PPP). Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk S.

Devamany berkata, konsep PPP adalah berasaskan pada prinsip asas iaitu sesuatu kemudahan awam dibina, diselenggara dan dibiayai sepenuhnya oleh pihak swasta tanpa sokongan serta sumbangan kewangan kerajaan.

Sebagai balasan katanya, kerajaan akan membayar caj *unitary* untuk suatu tempoh konsesi dan penalti akan dikenakan kepada syarikat sekiranya tahap perkhidmatan tidak menepati Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang ditetapkan.

"Sebelum ini, kerajaan telah menerima cadangan pembinaan kereta api laju Kuala Lumpur-Singapura secara PFI atau PPP namun cadangan itu tidak diteruskan kerana ia melibatkan sumbangan kewangan kerajaan. "Cadangan projek pembinaan lapangan terbang baru di Labu juga adalah satu cadangan projek pelaburan swasta dan tidak dilaksanakan menurut konsep PFI atau PPP," katanya pada sesi soal jawab sidang Dewan Rakyat di sini hari ini.

Beliau menjawab soalan **Datuk Mukhriz Mahathir (BN-Jerlun)** mengenai kewajaran pelaksanaan konsep PFI sedangkan sokongan dan sumbangan kewangan kerajaan masih diperlukan bagi menjayakan projek swasta seperti pembinaan lapangan terbang baru di Labu.

Menurut Devamany, melalui pelaksanaan PFI atau PPP, sesuatu kemudahan awam dan infrastruktur dapat disediakan melalui pembiayaan swasta dan seterusnya dapat mengurangkan beban kewangan kerajaan. Katanya, konsep itu memberi penekanan terhadap nilai wang menerusi agihan risiko antara kerajaan dan swasta secara optimum, pendekatan sepanjang masa dan menyeluruh dalam sistem penyampaian, inovasi dan kecekapan pengurusan sektor swasta bagi penyediaan perkhidmatan selaras dengan KPI.

23 Februari 2009 (Isnin)

Rencana - Hormati keputusan kerajaan tetap tolak LCCT Labu

KEPUTUSAN Kerajaan Pusat untuk tidak meneruskan cadangan pembinaan terminal tambang murah (LCCT) baru di Labu, Negeri Sembilan sewajarnya dihormati oleh semua pihak terbabit. Mungkin ada pihak tertentu yang masih berusaha melobi sehingga Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak kelmarin terpaksa sekali lagi mengulangi pendirian kerajaan bahawa LCCT Labu tidak boleh diteruskan.

Mesej yang hendak disampaikan oleh Najib itu cukup jelas iaitu keputusan kerajaan sudah muktamad. Kita tidak mahu rakyat mempersoalkan bagaimana boleh berlaku percanggahan dalam isu tersebut. Ini berdasarkan kepada kenyataan Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Ong Tee Keat baru-baru ini bahawa keputusan muktamad belum dibuat mengenai sama ada untuk meneruskan atau membatalkan cadangan pembinaan LCCT itu.

Kekeliruan turut berlaku apabila Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi (EPU), Tan Sri Dr. Sulaiman Mahbob berkata bahawa cadangan pembinaan LCCT baru di Labu itu masih dalam perbincangan antara kerajaan dengan pihak berkaitan. Keputusan awal menolak cadangan LCCT Labu itu telah dibuat pada mesyuarat khas yang dipengerusikan oleh Najib pada 30 Januari lalu yang turut dihadiri oleh AirAsia Berhad dan Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB).

Berdasarkan maklum balas dan penolakan pelbagai pihak terhadap isu LCCT Labu, kerajaan tentunya mengambil keputusan tepat untuk tidak meneruskan projek tersebut sekalipun ada komitmen pihak swasta. Jika LCCT Labu yang menelan kos RM1.6 bilion diteruskan, projek berkenaan menjadi bahan politik yang bakal dimainkan pembangkang untuk mengkritik kebijaksanaan Kerajaan Pusat di bawah teraju Barisan Nasional (BN).

Kerajaan tidak boleh lagi membiarkan projek-projek mega seumpama ini akhirnya menjadi 'perangkap politik' terutama pada ketika negara sendiri terpaksa berdepan dengan krisis ekonomi global. Walaupun kita sedar hasrat baik AirAsia di sebalik cadangan LCCT baru itu tetapi faktor lokasi dan keadaan ekonomi sebenarnya tidak begitu sesuai. Jika masih ada hasrat pembinaan LCCT baru, lokasinya perlu berhampiran dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) atau di Subang.

Di KLIA, misalnya masih mempunyai banyak ruang kosong bagi pembinaan sebuah lagi LCCT baru dengan kos pembinaan yang lebih murah. Selain itu, pembinaan LCCT di Labu hanya akan mewujudkan pertindihan fungsi dengan KLIA. Selain itu, kerajaan perlu memikirkan soal logistik untuk kemudahan pihak polis, imigresen dan bomba melakukan penyelarasan bilangan anggota masing-masing. Oleh kerana itu kita menyambut baik keputusan tegas Kerajaan Pusat melalui kenyataan Timbalan Perdana Menteri untuk kekal menolak hasrat membina LCCT di Labu. Kita harap, keputusan itu tetap muktamad dan dihormati oleh semua pihak berkaitan.

24 Februari 2009 (Selasa)

Kesesakan MRR2 semakin teruk

Oleh SITI AIRUNNISA ALAUI kota@utusan.com.my



BENARKAH susur keluar dari DUKE (di kanan gambar) menambahkan kesesakan di MRR2 sedangkan tidak banyak kenderaan datang dari arah tersebut?

HULU KLANG 24 Feb. - Pembukaan Lebuh Raya Duta-Ulu Klang (DUKE) pada 9 Januari lalu bertujuan mewujudkan satu lagi laluan alternatif bagi menyuraikan aliran trafik terutama di pusat bandar. Dijangka hampir 120,000 buah kenderaan akan menggunakan lebuh raya itu setiap hari. Kerja-kerja pembinaan lebuh raya berkenaan yang mengambil masa selama tiga tahun dengan kos sebanyak RM255 juta dibelanjakan bagi tujuan pengambilan tanah.

Lebuh raya tersebut diumpamakan sebagai 'penyelamat' dalam mengurangkan kesesakan kerana pengguna tidak perlu memasuki pusat bandar lagi untuk ke Jalan Duta, Ulu Klang, Ampang, Sentul, Gombak dan Lebuh Raya Karak. Namun, di sebaliknya 'jasanya' sebagainya penyelamat itu, DUKE juga dikatakan menjadi beban kepada pengguna di kawasan pinggir bandar. Antara yang menjadi 'mangsa' ialah pengguna di Lebuh Raya Lingkaran Tengah 2 (MRR2) kerana DUKE turut dihubungkan ke lebuh raya itu. Sebelum ini, *Utusan Malaysia* pernah menjangkakan bahawa MRR2 bakal sesak apabila DUKE dibuka dan jangkaan tersebut ternyata tepat.

Dianggarkan lebih 100,000 pengguna menggunakan MRR2 setiap hari dan dengan tambahan 50,000 pengguna dari DUKE, kesesakan di MRR2 semakin kronik.

Tinjauan *Utusan Malaysia* ke MRR2 arah Gombak dan Ampang berdekatan susur keluar dari DUKE mendapati keadaan sangat sesak khususnya sekitar pukul 8 pagi dan 4.30 petang. Jelas sekali pembukaan DUKE memburukkan lagi kesesakan di MRR2. Pada ketika kesesakan di MRR2 masih lagi tiada jalan penyelesaian, ia kini diburukkan lagi dengan kewujudan DUKE. Rata-rata pengguna yang ditemui mengakui, pembinaan DUKE menambahkan lagi kesesakan yang berlaku, namun mereka berpendapat, menutup lebuh raya itu bukanlah jalan penyelesaiannya. Ujar mereka, sepatutnya dari peringkat perancangan lagi, DUKE tidak dihubungkan secara terus ke MRR2 kerana lebuh raya berkenaan memang telah sesak teruk.

Seorang pengguna yang ditemui, **Johanuddin Salim**, 45, berkata, kesesakan di MRR2 berlaku sejak 10 tahun yang lalu dan sehingga kini tiada perubahan positif yang berlaku. Katanya, pembinaan DUKE umpama beban kepada MRR2 apabila ia menambahkan kesesakan yang berlaku di lebuh raya tersebut. "Saya telah lama menggunakan MRR2 iaitu semenjak ia kecoh dengan keretakan sana-sini sehinggalah sekarang. Kini DUKE pula disambung ke sini, saya tahu bila masalah kesesakan lalu lintas di sini akan selesai. "Kebiasaannya kesesakan teruk berlaku pada sebelah petang di mana lebih banyak kenderaan yang keluar dari lebuh raya berkenaan pada waktu itu," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Seorang lagi pengguna, **Norrehan Abdul Manaf**, 28, turut mengakui bahawa kesesakan di MRR2 berpunca daripada masalah persimpangan yang terlalu banyak di jalan tersebut. "Sejak dulu lagi tiada pengurangan persimpangan dilakukan namun lebih banyak penambahan persimpangan dibina termasuklah DUKE," jelasnya.

Namun, **Siow Hoong Wee**, 38, pula tidak bersetuju dengan pendapat pembinaan DUKE menjadikan MRR2 semakin sesak. Ujarnya, dia yang sering berulang-alik melalui MRR2 mengakui jalan berkenaan memang sering sesak, namun ia bukan disebabkan oleh pembukaan

DUKE. "Sekiranya DUKE tidak dibuka sekalipun, jalan ini tetap sesak dan saya menghadapinya setiap hari. "DUKE tidak seharusnya disalahkan. Apa yang penting ialah sikap pemandu. Semua orang hendak cepat dan seharusnya semua orang lebih berdisiplin dan mengikut peraturan. "Apabila ada pemandu yang tidak mengikut peraturan seperti memotong barisan dan ada pula yang tidak mahu bertolak-ansur, kesesakan pasti berlaku," ujarinya.

Pendapat tersebut turut disokong oleh penduduk yang dikenali sebagai **Ayob**, 59, yang mengakui kesesakan di MRR2 berpunca daripada jajaran jalannya yang pelik. Jelasnya, jalan yang mempunyai banyak simpang dan berdekatan kawasan penduduk akan menyebabkan jalan berkenaan mudah sesak dan sering berlaku kemalangan. "Saya tidak pasti mengapa jalan ini sering bermasalah seperti berlaku keretakan, sering sesak dan selalu berlaku kemalangan. "Setiap hari ada sahaja kemalangan yang berlaku dan kejadian berkenaan menyebabkan pemandu memandu perlahan dan mengakibatkan kesesakan teruk," katanya.

"DUKE sebenarnya tidak menyumbang kepada kesesakan di MRR2, sebaliknya keadaan MRR2 itu sendiri sememangnya bermasalah," katanya.

24 Februari 2009 (Selasa)

2 lagi pusat pendaratan ikan dibina

KOTA KINABALU 24 Feb. - Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) akan membina dua pusat pendaratan ikan bagi membantu nelayan tempatan memasarkan terus hasil tangkapan mereka kepada pengguna. Pengerusi LKIM, Datuk Abdul Rahim Ismail (**gambar**) berkata, pembinaan lebih banyak pusat pendaratan ikan mampu mengurangkan kebergantungan nelayan kepada orang tengah, sekali gus meningkatkan pendapatan mereka. Katanya, dua pusat pemunggahan ikan baru itu dicadangkan akan dibina di sekitar Pantai Manis, Papar dan Putatan di sini. "Salah satu punca mengapa pendapatan nelayan tempatan masih rendah adalah kerana mereka terpaksa bergantung kepada orang tengah menjual hasil tangkapan masing-masing," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau mengulas cadangan Pengerusi Persatuan Nelayan Kota Kinabalu (PNK), Arsit Sedi yang meminta LKIM menjadikan pasar Pasir Putih, Putatan sebagai kawasan pendaratan ikan bagi nelayan di kawasan itu. Menurut Arsit, selain memiliki kemudahan asas, kawasan berkenaan juga sudah terkenal di kalangan penduduk setempat yang mahukan ikan-ikan segar.

Rahim berkata, LKIM perlu meneliti kesesuaian tapak tersebut sebelum keputusan dibuat. "Kita tidak boleh membuat keputusan hanya kerana tempat itu sudah dikenali ramai. Ada banyak faktor seperti kesesuaian laluan sungai tersebut dan sebagainya," katanya.

Beliau menambah, beberapa kawasan di Putatan telah dikenalpasti tetapi sehingga kini belum ada keputusan muktamad dibuat.

25 Februari 2009 (Rabu)

Pengimbas rosak di sempadan

SINTOK 25 Feb. - Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator T. Murugiah berkata banyak peralatan dan mesin keselamatan di beberapa pintu masuk negara didapati rosak dan ini boleh mengancam keselamatan. Sebagai contoh, katanya, mesin pengimbas milik polis dan kastam di Bukit Kayu Hitam di sempadan Malaysia-Thailand di sini telah empat tahun tidak berfungsi.

"Kalau mesin pengimbas berfungsi, kita boleh menghalang perkara tidak baik dari berlaku," katanya kepada pemberita pada majlis dialog dengan syarikat kawalan keselamatan wilayah utara di Universiti Utara Malaysia di sini hari ini. Sebanyak 22 syarikat kawalan keselamatan di Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan Perak menyertai dialog sehari itu.

Beliau berkata, banyaknya senjata api yang dirampas daripada penjenayah selepas sesuatu kejadian berlaku menimbulkan persoalan tentang bagaimana senjata itu boleh terlepas masuk ke negara ini.

Beliau juga berkata, sebuah pusat latihan untuk pegawai dan pengawal keselamatan yang bertugas dengan jabatan dan agensi kerajaan akan dibina di Nilai, Negeri Sembilan, Julai ini dan dijangka siap pada 2010. Pusat itu mampu melatih 400 orang pada satu-satu masa dalam segala aspek keselamatan termasuk undang-undang, katanya.

Murugiah, yang juga Ketua Pemuda Parti Progresif Penduduk (PPP), berkata, beliau yakin Barisan Nasional mampu merampas kembali kerusi Parlimen Bukit Gantang di Perak dan kerusi Dewan Undangan Negeri Kedah kawasan Bukit Selambau pada pilihan raya kecil masing-masingnya pada 7 April ini. Katanya, rakyat telah melihat kecelaruan pentadbiran kerajaan di negeri-negeri yang diperintah oleh pakatan pembangkang. - Bernama